

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN]
TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)
SOALAN : Dato' Othman bin Aziz [Jerlun] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dirangka oleh kementerian bagi mengekang kenaikan harga daging segar dan memastikan stok bekalan mencukupi khususnya menjelang bulan Ramadhan dan perayaan Aidilfitri.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai makluman, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) tidak mengawal harga daging dan hanya mengawalselia jumlah pengeluaran daging dalam negara. Namun begitu, bagi mengelakkan harga daging naik terutama pada musim perayaan, MOA telah mengambil langkah awal bagi meningkatkan pengeluaran daging dalam negara dengan membenarkan pengimportan daging dari Kemboja, Myanmar, Pakistan dan Brazil sebagai tambahan kepada pengimportan daging dari negara pengeksport sedia ada. Negara-negara ini merupakan Negara yang baru dikenalpasti dan telah mencapai piawaian pengeksportan daging seperti yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

Bagi membantu para penternak tempatan, MOA melalui FAMA telah membenarkan para penternak menjual daging lembu tempatan di 525 buah pasar tani seluruh negara.